



MINIT BEBAS
PUSPANITA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBhg. Datin Pengerusi
PUSPANITA Cawangan
Kementerian Perpaduan Negara

Oktober 2023

YBhg. Datin,

CADANGAN PENYERTAAN PERLAWANAN PERSAHABATAN WOODBALL
ANTARA PUSPANITA CAWANGAN KEMENTERIAN TAHUN 2023

1. TUJUAN

1.1 Minit bebas ini dikemukakan bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan YBhg. Datin berhubung dengan perkara-perkara berikut:

- (i) Cadangan **Penyertaan Perlawanan Persahabatan Woodball Antara PUSPANITA Cawangan Kementerian Tahun 2023** yang akan diadakan pada bulan November 2023 melibatkan ahli-ahli PUSPANITA dari Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan agensi-agensi di bawahnya.
- (ii) Jumlah implikasi kewangan yang dianggarkan adalah sebanyak **RM1,000.00** menggunakan peruntukan kewangan PUSPANITA KPN.

2. LATAR BELAKANG

2.1 PUSPANITA KPN telah menerima jemputan untuk menyertai Perlawanan Persahabatan Woodball Antara PUSPANITA Cawangan Kementerian Tahun 2023 yang dianjurkan oleh PUSPANITA Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN).

2.2 Pertandingan ini akan dilaksanakan pada 4 November 2023 (Sabtu) bermula jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang bertempat di Laman Woodball, Taman Rekreasi Wawasan, Puchong, Selangor. Sebanyak dua (2) kategori dipertandingkan iaitu kategori VIP dan Berkumpulan. Selain itu, sebagai persediaan perlawanan, satu sesi Klinik Woodball akan diadakan oleh pihak penganjur pada 7 Oktober 2023 (Sabtu) bertempat di Laman Woodball, Taman Rekreasi Wawasan, Puchong pada jam 8.00 pagi.

3. OBJEKTIF

3.1 Objektif pelaksanaan program adalah seperti berikut:

- (i) Mengeratkan ikatan silaturahim sesama ahli PUSPANITA khususnya Kementerian Perpaduan Negara;
- (ii) Melahirkan masyarakat yang cergas dan cerdas; dan
- (iii) Memupuk budaya saing yang positif dalam suasana pertandingan.

4. ASAS PERTIMBANGAN

4.1 Perlawanan Persahabatan Woodball Antara PUSPANITA Cawangan Kementerian Tahun 2023 merupakan satu program yang melibatkan penyertaan dari Cawangan Kementerian.

4.2 Program ini mendapat sokongan dari PUSPANITA Kebangsaan dan Majlis Perasmian Penutup akan disempurnakan oleh YBhg. Puan Sri To' Puan Seri Norizam binti Che Mohd Nor, Yang DiPertua PUSPANITA.

4.3 Penyertaan PUSPANITA KPN dalam program ini merupakan penyertaan kali pertama cawangan dalam acara sukan woodball. PUSPANITA KPN bercadang untuk menghantar satu (1) pasukan dan satu (1) wakil VIP.

5. BUTIRAN PELAKSANAAN PROGRAM

5.1 Perlawanan Persahabatan Woodball Antara PUSPANITA Cawangan Kementerian Tahun 2023 akan dilaksanakan seperti berikut:

Tarikh	:	4 November 2023 (Sabtu)
Masa	:	7.300 pagi - 1.00 tengahari
Tempat	:	Laman Woodball Taman Rekreasi Wawasan, Puchong

5.2 Atur cara adalah seperti berikut:

Masa	Perkara
7.30 pagi	Pendaftaran dan Minum Pagi
8.00 pagi	Pertandingan Woodball
12.00 tengahari	Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah
1.00 tengahari	Makan Tengahari / Bersurai

6. IMPLIKASI KEWANGAN

6.1 Jumlah implikasi kewangan yang dianggarkan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kos Seunit	Kuantiti	Jumlah
1.	Yuran Berkumpulan	RM300.00	1	RM300.00
2.	Jersi sukan	RM60.00	6	RM360.00
3.	Makan/Minum - Klinik (10 orang) - Perlawanan (6 orang)	RM10.00	16	RM160.00
4.	Sewa Kayu Woodball - Klinik (10 orang) - Perlawanan (5 orang)	RM10.00	15	RM150.00
Jumlah Keseluruhan				RM 970.00
Jumlah Keseluruhan Termasuk Kontigensi				RM1,000.00

7. SYOR

7.1 Semoga cadangan **Penyertaan Perlawanan Persahabatan Woodball Antara PUSPANITA Cawangan Kementerian Tahun 2023** pada bulan November 2023 dengan jumlah implikasi kewangan yang dianggarkan sebanyak **RM1,000.00** menggunakan peruntukan PUSPANITA KPN mendapat pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

.....

(NAMA)

Setiausaha Biro Sukan

PUSPANITA Cawangan Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh:

Diperakukan oleh:

.....

(NAMA)

Ketua Biro Sukan

PUSPANITA Cawangan Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh:

**PERTIMBANGAN & KELULUSAN
PUSPANITA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**CADANGAN BAGI PENYERTAAN PERLAWANAN PERSAHABATAN
WOODBALL ANTARA CAWANGAN KEMENTERIAN TAHUN 2023**

PERTIMBANGAN

DISOKONG

Saya mengesahkan bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk melaksanakan program ini.

TIDAK DISOKONG

Sebab tidak disokong:

(LILIAN SUIKING)

Bendahari
PUSPANITA Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh:

KEPUTUSAN

DILULUSKAN

TIDAK DILULUSKAN

ULASAN

.....
.....
.....

(DATIN ROSZITA BINTI IMADUDDIN)

Pengerusi
PUSPANITA Kementerian Perpaduan Negara

Tarikh: